

KHUTBAH KHAS GERHANA BULAN
JABATAN MUFTI NEGERI PAHANG
03 MAC 2026 | 13 RAMADAN 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ
لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Bertakwalah kepada Allah ﷻ dengan sebenar-benar takwa, laksanakan segala perintah-Nya, dan tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah ﷻ di dunia dan akhirat.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah Ta'ala,

Marilah kita sama-sama bertasbih, bertahmid dan bertakbir kepada Allah ﷻ, Tuhan yang menggerakkan bumi, bulan dan matahari, dan mentakdirkan berlakunya gerhana bulan separa.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah, pada hari ini 3 Mac 2026 bersamaan 13 Ramadan 1447 Hijrah, kita menyaksikan satu lagi tanda kebesaran Allah ﷻ apabila gerhana penuh bermula pada jam 7:04 malam dalam keadaan bulan belum lagi terbit, seterusnya mencapai kemuncaknya pada jam 7:33 malam, sebelum tamat gerhana penuh pada jam 8:02 malam dan keseluruhan gerhana separa berakhir pada jam 9:17 malam; oleh itu, waktu solat gerhana yang disyorkan adalah antara jam 7:23 malam hingga 9:17 malam, dan alhamdulillah kita bersama-sama merebut peluang melaksanakan sunnah Nabi ﷺ dengan melaksanakan solat dan khutbah gerhana, swmoga kita diberkati dan dirahmati oleh Allah ﷻ.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah Taala,

Bagi umat Islam, fenomena gerhana ini merupakan bukti kekuasaan Allah ﷻ. Betapa telitinya aturan falak hingga memungkinkan fenomena yang menakjubkan ini berlaku bagi meluruskan akidah umat Islam dalam mengenal Tuhan Yang Maha Pencipta. Melalui gerhana bulan, kita bertambah yakin betapa Allah ﷻ yang menentukan aturan manazil bulan. Firman Allah ﷻ dalam Surah Yasin ayat ke-39 hingga 40:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالْقَمَرَ قَدَّرْنَاهُ مَنَازِلَ حَتَّىٰ عَادَ كَالْعُرْجُونِ الْقَدِيمِ ﴿٣٩﴾ لَا الشَّمْسُ يَنْبَغِي

لَهَا أَنْ تُدْرِكَ الْقَمَرَ وَلَا اللَّيْلُ سَابِقُ النَّهَارِ وَكُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ﴿٤٠﴾

Yang bermaksud: “Dan bulan pula Kami takdirkan dia beredar melalui beberapa peringkat, sehingga di akhir peredarannya kelihatan kembalinya pula ke peringkat awalnya - (berbentuk melengkung) seperti tandan yang kering. (Dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing.”

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Semasa zaman Nabi Muhammad ﷺ, pernah berlaku gerhana matahari, kebetulan pada hari yang sama wafatnya putera baginda yang bernama Ibrahim. Terdapat sebahagian mereka yang mendakwa kononnya kematian itu disebabkan oleh gerhana matahari yang berlaku. Lalu Baginda ﷺ menjelaskan, seperti yang diriwayatkan dalam Sahih Bukhari :

إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَاتَانِ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ، لَا يَنْخَسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاتِهِ، فَإِذَا رَأَيْتُمْ ذَلِكَ فَادْعُوا اللَّهَ وَكَبِّرُوا، وَصَلُّوا وَتَصَدَّقُوا

Yang bermaksud: “Sesungguhnya matahari dan bulan adalah dua tanda daripada tanda-tanda kebesaran Allah ﷻ. Kedua-duanya tidak gerhana dengan sebab kematian atau kelahiran seseorang. Sekiranya kamu melihat gerhana, maka berdoalah kepada Allah ﷻ, bertakbirlah, solat dan bersedekah.”

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah Taala,

Sesungguhnya fenomena astronomi seperti gerhana bulan ini, akan lebih mendidik jiwa kita supaya mengenal Tuhan yang mentadbir alam. Bagaimana Allah ﷻ berkuasa untuk menukar kenampakan bulan mengambang, tiba-tiba bertukar gelap akibat ditutupi bayang-bayang bumi. Adakah wujud kuasa lain yang mampu menukar aturan ini?

Dengan sebab itu, elakkanlah diri kita daripada mengaitkan fenomena gerhana ini dengan perkara khurafat, menilik nasib, untung dan rugi dalam kehidupan. Sebaliknya, renunglah betapa berkuasanya Allah ﷻ, Tuhan sekalian alam. Firman Allah ﷻ dalam Surah Yunus ayat 5:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسُ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدَرَهُ مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ
وَالْحِسَابَ ۚ مَا خَلَقَ اللَّهُ ذَلِكَ إِلَّا بِالْحَقِّ يُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥﴾

Yang bermaksud: “Dia-lah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dia-lah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-randah) pada tempat-tempat peredarannya masing-

masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah ﷻ tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah ﷻ menjelaskan ayat-ayat-Nya (tanda-tanda kebesaran-Nya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmat sesuatu yang dijadikan-Nya).”

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Nabi Muhammad ﷺ mengajak para Sahabat untuk mendirikan solat sunat Khusuf sepanjang berlakunya gerhana. Diriwayatkan juga bahawa Baginda telah diperlihatkan dalam solat itu, akan nikmat kehidupan di syurga dan pedihnya azab api neraka. Dengan sebab itu, Rasulullah ﷺ berpesan dalam khutbah gerhana, seperti yang diriwayatkan dalam Sahih Bukhari:

وَاللَّهِ لَوْ تَعْلَمُونَ مَا أَعْلَمُ لَضَحِكْتُمْ قَلِيلًا وَلَبَكَيْتُمْ كَثِيرًا

Yang bermaksud: “Demi Allah, kalau kamu tahu apa yang aku tahu (daripada azab api neraka), nescaya sesungguhnya kamu akan sedikit sahaja tertawa, dan akan banyak menangis.”

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Bersempena dengan terzahirnya salah satu tanda kekuasaan Allah ﷻ menerusi gerhana bulan sekarang, marilah kita bersama-sama memperbanyakkan amal ibadah, bertakbir, berdoa dan bersedekah, seperti yang dianjurkan oleh Nabi Muhammad ﷺ. Bertafakurlah sejenak dan tadaburlah ayat-

ayat kebesaran Allah ﷻ ini, agar subur jiwa kita dengan tunjang akidah yang tulen, jauh daripada kepercayaan karut marut khasnya terhadap kuasa lain selain Allah ﷻ . Ketika matahari, bulan dan bumi sentiasa taat kepada perintah-Nya, janganlah pula kita mengingkari arahan Allah ﷻ .

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمِنْ آيَاتِهِ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ لَا تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا

لِلْقَمَرِ وَاسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَهُنَّ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿٣٧﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.